



TATACARA MENGIMPORT PRODUK BINAAN

EDISI KE-5

TATACARA MENGIMPORT PRODUK BINAAN

EDISI KE-5

ISI KANDUNGAN

	M/S
PRAKATA	i
SINGKATAN	i
TERMA DAN DEFINISI	ii
1.0 PENGENALAN	1
2.0 OBJEKTIF KAWALAN KUALITI BAHAN BINAAN	1
3.0 PERUNDANGAN	1
4.0 SENARAI PRODUK	2
5.0 PROSEDUR PENGIMPORTAN PRODUK BINAAN	2
6.0 KAEDAH PENGIMPORTAN PRODUK BINAAN	4
6.1. Kaedah Pensijilan Produk (PC)	6
6.2. Kaedah Laporan Pengujian Makmal (FTTR)	7
7.0 PERINGKAT VERIFIKASI DI LUAR NEGARA	8
8.0 TATACARA PERMOHONAN COA	9
9.0 PERINGKAT VERIFIKASI DI DALAM NEGARA	14
10.0 SYARAT-SYARAT VERIFIKASI	16
11.0 SENARAI JENIS KESALAHAN DAN KETIDAKPATUHAN SERTA TINDAKAN TATATERTIB SEMASA VERIFIKASI PELABUHAN	17
12.0 SENARAI PENGECUALIAN COA	19
13.0 KADAR FI DAN YURAN	20

ISI KANDUNGAN

	M/S
14.0 TATACARA PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPSi)	22
14.2	22
Kaedah Sijil Produk (PC)	22
14.2.1 Sijil Produk dimiliki oleh pengilang	22
14.2.2 Sijil Produk dimiliki oleh pengimport	22
14.2.3 Kaedah Laporan Ujian Penuh (FTTR)	23
14.2.4 Permohonan Pembaharuan Sijil PPSi	23
14.2.5 Kelulusan Sijil PPSi	23
14.2.6 Tempoh Sah PPSi	23
SOP-VERIFIKASI PRODUK UNTUK PC	24
SOP-VERIFIKASI PRODUK UNTUK KONSAINAN FTTR	27
LAMPIRAN	
MANUFACTURES LETTER OF CONFIRMATION	28
EXORTER'S LETTER OF CONFIRMATION	29
APPOINTMENT OF 3rd PARTY INSPECTION BODY (TPIB)	30
PENGAKUAN / DECLARATION	31
AKUR JANJI KAEADAH PENSIJILAN PRODUK	33
AKUR JANJI FTTR	36
CARTA-LONG TERM (PC)	38
CARTA-SHORT TERM (FTTR)	39
CARTA-SHORT TERM (FTTR) FOR CEMENT	40
SOP-PROSIDUR VERIFIKASI PRODUK DI KILANG (KAEADAH PC)	41
SOP-(UJIAN KONSAINAN) FULL TYPE TEST LUAR NEGARA	42
MAKLUMAT AM	44

TATACARA PEMERAKUAN PEMANTUHAN STANDARD (BAHAN BINAAN IMPORT)

PRAKATA

Buku Tatacara ini diterbitkan sebagai satu panduan kepada para pengimport, agen dan 'forwarding Agent' untuk membawa masuk produk yang berada di bawah Akta 520 (Pindaan 2011) dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import). Kandungan buku ini menjurus kepada tatacara untuk mengimport produk binaan ke Malaysia. Produk Binaan yang hendak diimport mestilah melalui satu proses pematuhan kepada kehendak kehendak Malaysia Standard (MS) sebelum ianya boleh digunakan di pasaran tempatan. Beberapa punca kegagalan yang sering berlaku yang menjadikan produk binaan tidak boleh melepassi pintu masuk Kastam juga disenaraikan. Ini adalah bertujuan untuk mengelak daripada kerugian dari segi masa, tenaga dan kos.

Sehubungan itu, adalah diharapkan dengan adanya buku tatacara ini ianya boleh menjadi satu rujukan yang sangat berguna kepada pengimport, agen dan 'forwarding agent' ke arah meningkatkan kecekapan perlaksanaan mengimport produk binaan yang berada di dalam Akta 520 (Pindaan 2011) dan Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import).

SINGKATAN :

APLAC	: Asia Pacific Laboratory Accreditation Cooperation,
BL	: Bill of Lading
CB	: Certification Body
CIDB	: Construction Industry Development Board
COA	: Certificate of Approval
ILAC	: International Laboratory Accreditation Cooperation,
IAF	: International Accreditation Forum,
IB	: Inspection Body (Badan Pemeriksaan)
JSM	: Jabatan Standard Malaysia
KDRM	: Kastam DiRaja Malaysia
LMW	: Licensed Manufacturing Warehouse (Gudang Pengilangan Berlesen)
MITI	: Ministry of International Trade & Industry
MS	: Malaysian Standard
MRA	: Mutual Recognition Arrangement
MLA	: Multilateral Recognition Arrangement
OGA	: Other Government Agency
PC	: Product Certification
PAC	: Pacific Accreditation Cooperation,
PPS	: Perakuan Pematuhan Standard
SAMM	: Sijil Akreditasi Makmal Malaysia
SMK	: Sistem Maklumat Kastam

TERMA DAN DEFINISI

Agen Kastam	Agen Penghantaran Kastam
Badan Pemeriksaan	Badan Pemeriksaan (Inspection Body-IB) ditauliahkan mengikut ISO/IEC 17020 dengan skop ujian yang betul bagi melaksanakan pemeriksaan ke atas produk atau bahan binaan.
Badan Pensijilan	Agensi tempatan yang telah diakredit oleh STANDARDS MALAYSIA atau agensi luar negara yang telah diakredit oleh badan akreditasi di negara pengeluar dan hendaklah penan datangan PAC, IAF, MLA, APLAC, ILAC, MRA sebagai badan pensijilan atau CB. CB mestilah diakredit oleh Badan Akredita si mengikut ISO / IEC panduan 65.
Bahan Pembinaan	apa-apa jenis, saiz dan sifat bahan, di peringkat awal, sementara, pertengahan atau selesai sama ada dikilangkan atau diimport yang digunakan untuk tujuan industri pembinaan
Desk Verifier	Pegawai CIDB yang mengesahkan permohonan verifikasi daripada pengimpor.
E-Permit	Merujuk kepada permohonan COA melalui sistem secara on-line
Forwarder	Agen Penghantaran
Jadual Keempat, Kastam	Merujuk kepada Akta Kastam 1967, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2012, Bahagian 1, Larangan bersyarat kecuali mematuhi standard Malaysia dan/atau standard lain yang diluluskan oleh pihak berkuasa dalam Malaysia dengan cara yang diperuntukkan.
Konsainan	Satu 'batch' produk binaan yang diimport
Konsainee	Pengimpor
Konsainor	Pengeksport
LMW	Merupakan gudang yang dilesenkan di bawah Seksyen 65/65S Akta kastam 1967 untuk menjalankan aktiviti pengilangan dan penggudangan barang keluaran berorientasikan eksport,
Makmal Ujian	Makmal ujian yang memperolehi SAMM / ILAC atau yang diluluskan oleh CIDB mengikut kriteria yang ditetapkan. Makmal tersebut hendaklah ditauliahkan oleh Badan Akreditasi mengikut ISO/IEC 17025 dengan skop ujian yang betul.
Market Sampling	Pengambilan sampel produk di pasaran atau kilang untuk diuji oleh CB/makmal. Perkara ini khas untuk kaedah pengimporan secara PC sahaja.
Pegawai Melulus	Pegawai CIDB yang diberi kuasa oleh CIDB untuk melulus permohonan COA.

Pegawai Mengesyorkan	Pegawai CIDB yang diberi kuasa untuk membuat pengesyarahan ke atas laporan yang dikemukakan oleh Pegawai Verifikasi.
Pegawai Verifikasi	Pegawai CIDB atau orang yang diberi kuasa bagi menjalankan kerja-kerja verifikasi di pintu masuk negara
Pembinaan:	Industri yang berkaitan dengan kerja-kerja pembinaan termasuk Reka bentuk, pembuatan, teknologi, bahan-bahan dan mutu kerja dan perkhidmatan untuk tujuan pembinaan;
Pemerakuan	Suatu tatacara yang dengannya Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga memberikan jaminan bertulis bahawa sesuatu proses, amalan atau perkhidmatan mematuhi kehendak yang tertentu.'
Pengimport	Sesiapa yang membawa atau mengimport produk atau bahan binaan dari luar negara yang tersenarai dalam Jadual Keempat, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import)
Pensijilan Produk	Sijil yang juga dikenali sebagai Product Certification (PC) dikeluarkan oleh CB yang diiktiraf oleh CIDB yang memperakui pematuhan produk tersebut terhadap MS dalam tempoh sah laku yang tertentu. Sijil ini boleh dikeluarkan atas nama pengimport atau pengilang.
Produk	Bahan atau barang yang digunakan untuk kerja-kerja pembinaan
Standard	Merujuk kepada standard Malaysia dan/atau standard lain yang diluluskan oleh pihak berkuasa dalam Malaysia dengan cara yang diperuntukkan.
Sijil kelulusan	Sijil yang dikeluarkan oleh CIDB yang memperakui bahawa produk binaan yang diimport telah memenuhi keperluan MS yang berkaitan. Ianya juga dikenali sebagai Certificate Of Approval (COA).
Tindakan Terhadap Ketidak patuhan	Tindakan yang dikenakan kepada pengimport seperti yang diterangkan di Para 12
Tindakan Disiplin Terhadap Pengimport	Tindakan yang dikenakan kepada pengimport seperti yang diterangkan di Para 13
Ujian Penuh Konsainan	Ujian yang dijalankan di makmal mengikut semua keperluan ujian seperti yang terdapat di dalam MS yang berkaitan
Ujian kritikal	Ujian yang dijalankan di makmal mengikut beberapa ujian di dalam MS yang kritikal seperti yang ditetapkan oleh CIDB .
Verifikasi	Pemeriksaan fizikal oleh Pegawai Verifikasi ke atas produk yang diimport mengikut keperluan standard Malaysia atau standard lain yang diluluskan oleh pihak berkuasa dalam Malaysia

1.0 PENGENALAN

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) adalah merupakan badan penguatkuasa kepada industri pembinaan negara. Peranan ini telah diperjelaskan melalui Akta 520 (Pindaan 2011) dengan memperluaskan fungsi CIDB sebagai badan penguatkuasa terhadap kualiti bahan binaan. Perlaksanaan pematuhan Malaysia Standard ke atas pengimportan produk-produk binaan juga dirujuk kepada Jadual Keempat Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 1998 Pindaan 2012 melalui pengeluaran Sijil Kelulusan atau 'Certificate of Approval' oleh CIDB.

2.0 OBJEKTIF KAWALAN KUALITI BAHAN BINAAN

- Memastikan setiap bahan binaan yang dikuatkuasakan mematuhi kehendak-kehendak standard yang ditetapkan bagi mencapai tahap kualiti yang baik/tinggi sebelum digunakan dalam industri pembinaan negara;
- Memastikan bahan tidak berkualiti tidak memasuki pasaran tempatan dan mengelakkan negara menjadi 'dumping area';
- Memastikan alam sekitar terpelihara;
- Menyokong inisiatif ke arah Pembinaan Hijau (Green Construction);
- Memastikan keseragaman penandaan (marking) pada produk binaan bagi memudahkan pengenalan kualiti kepada pengguna;

3.0 PERUNDANGAN

Akta 520 (Pindaan 2011) telah memperuntukkan kuasa kepada CIDB sebagai badan penguatkuasa mengawal kualiti bahan binaan seperti seksyen berikut;

- **Seksyen 33C (1)** - 'Lembaga hendaklah, mengikut cara yang ditentukan oleh Lembaga, memperakukan bahan binaan yang digunakan dalam industri pembinaan dan yang dinyatakan dalam Jadual Keempat mengikut standard yang dinyatakan dalam Jadual itu'.
- **Seksyen 2 (1)** mendefinisikan pemerakuan sebagai 'suatu tatacara yang dengannya Lembaga atau mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Lembaga memberikan jaminan bertulis bahawa sesuatu proses, amalan atau perkhidmatan mematuhi kehendak yang tertentu.'
- **Seksyen 33D (1)** memperuntukan larangan terhadap 'berurus' dengan bahan binaan yang tidak diperakukan oleh CIDB;
- **Seksyen 33D (2)** memperuntukan denda kepada pihak yang melanggar peruntukan;
- **Seksyen 33D (1)** bahawa; apabila disabitkan, didenda tidak kurang daripada sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi lima ratus ribu ringgit.'

4.0 SENARAI PRODUK

Bagi memastikan setiap produk atau bahan binaan yang diimport yang memerlukan COA, diminta merujuk Senarai Tarif Kod seperti di bawah :-

Nota: Maklumat lengkap produk dan sila rujuk www.cidb.gov.my dan klik kepada 'material'

BIL	KATEGORI	TARIF KOD (HEADING)
1	Cement	2525 – 2523
2	Ceramic Products (Sanitary Wares) & Unglazed and Glazed Ceramic Tiles Plastic Flushing	6906.00 – 6910.10 3922.90
3	Iron & Steel	7207 - 7325
4	Aluminium	7606 & 7607
5	Glass	7005
6	Radiant Barrier	7607
7	Cellulose, Synthetic/Fibrecement Flat sheet	6811
8	Insulation Materials Slag Wool, Rock Wools Glass Fibre	6806 7019

5.0 PROSEDUR PENGIMPORTAN PRODUK BINAAN

Pengimport yang ingin mengimport atau membawa masuk produk atau bahan binaan yang berkaitan dengan industri pembinaan perlu mematuhi prosedur berikut :-


- a) Pengimport perlu memastikan terlebih dahulu produk atau bahan binaan yang ingin diimport berkaitan industri pembinaan ada disenaraikan dalam Jadual Keempat, Perintah Kastam (Larangan Mengimport);
- b) Menyemak dan memastikan Tarif HS Code produk atau bahan binaan berkaitan;
- c) Mengesahkan tujuan kegunaan produk atau bahan binaan berkaitan;
- d) Mengesahkan standard yang ingin digunakan berdasarkan produk atau bahan binaan;
- e) Mengesahkan kuantiti produk atau bahan binaan berkaitan;
- f) Memastikan mematuhi kaedah pengimportan produk binaan (rujuk para 6.0);
- g) Rujuk Para 12, untuk mengetahui produk atau bahan binaan boleh mendapat pengecualian COA;

- h) Sekiranya menggunakan kaedah short term, pengimpor perlu melantik Badan Pemeriksaan (*Inspection Body*) yang diakreditasi ISO 17020 sebagai 3rd party yang akan mengeluarkan Laporan Pemeriksaan (*Inspection Report*) dan makmal ujian yang diakreditasi ISO/IEC 17025 bagi mengeluarkan Laporan Penuh Ujian Makmal (*Full Type Test Report*) dengan mengisi borang permohonan *3rd Party Inspection Body* sebelum mendapatkan pengesahan daripada CIDB. Seterusnya melaksanakan ujian konsainan penuh terlebih dahulu di luar negara sebelum produk atau bahan binaan boleh diimport. Kedua-dua laporan ini diperlukan dalam membuat permohonan sijil PPS-i dan COA.
- i) Sekiranya menggunakan kaedah PC, para 5(h) tidak terpakai. Hanya salinan PC diperlukan sebagai dokumen utama dalam membuat permohonan COA selain dokumen lain, rujuk Para 8, Tatacara Permohonan COA.
- j) Produk atau bahan binaan import yang dibawa masuk tanpa PC atau FTTR adalah tidak dibenarkan; KECUALI berdasarkan perkara berikut, iaitu :-
- i) terdapat pengambilan 'sample' yang perlu dilakukan semasa ketibaan produk atau bahan binaan tersebut di negara ini di atas arahan atau dasar MITI;
 - ii) produk atau bahan binaan yang diimport terdapat dalam senarai pengecualian, rujuk Para 12.
- k) Bagi produk atau bahan binaan yang diimport menggunakan kemudahan LMW, COA masih diperlukan ke atas produk atau bahan binaan mengikut peratusan yang diproses untuk pasaran tempatan
- l) Memastikan setiap produk bahan binaan mematuhi kepada penandaan (marking) seperti dinyatakan dalam standard berkenaan.
- m) Melampirkan mill certificate bagi produk besi dan keluli dan yang berkenaan dengan syarat dibawah:-
- 1) Original *Mill Certificate*
 - Untuk kilang yang mempunyai PC/API, perlu menghantar format *mill certificate* bagi mendapatkan pengesahan daripada pihak CIDB.
 - 2) Salinan *Mill Certificate*
 - Perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak 3rd party yang diakreditasi ISO 17020 (*Inspection Body*) atau ISO/IEC 17065 (*Certification Body*) atau;
 - Mengeluarkan surat *self declaration* yang ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Urusan, Pengarah Syarikat atau jawatan yang setara dengan kelayakan diatas atau;
 - ❖ sekiranya terdapat unsur-unsur penipuan yang dikesan oleh CIDB mengenai keputusan ujian pada mill certificate yang dikemukakan maka CIDB berhak untuk mengarahkan pengimpor untuk melakukan ujian kritikal.

6.0 KADEAH PENGIMPORTAN PRODUK BINAAN

Kaedah mengimport boleh dibahagikan kepada dua (2) (Rujuk Rajah 1) iaitu :-
 6.1. Kaedah Pensijilan Produk (PC) / API Monogram
 6.2. Kaedah Laporan Pengujian Makmal (FTTR)

RAJAH 1 – KADEAH PENGIMPORTAN PRODUK ATAU BAHAN BINAAN



METHOD 1 - Product Certificate (PC) / API Monogram (Long Term Importation)

1. Approval of Certification Body (CB)/American Petroleum Institute
2. Submission of Product Certification (PC)
3. Factory verification by CIDB
4. Application of COA
5. Verification of consignment at point of entry
6. Issuance of COA

METHOD 2 - Laboratory Test Report (Short Term Importation)

1. Fill up a Third Party Inspection Body form
2. Approval of Testing Laboratory and IB
3. Sampling of product
4. Testing of product against relevant standard
5. Issuance of Inspection and Laboratory Test Report
6. Application of PPSI
7. Application of COA
8. Verification of consignment at point of entry
9. Issuance of COA

Keterangan proses Method 1 (PC/API Monogram):

1	Kelulusan CB	CIDB meluluskan CB tempatan atau asing seperti yang dicadangkan oleh pengimport. CB mestilah diakredit oleh Badan Akreditasi mengikut ISO / IEC panduan 65.
2	Submission of Product Certification (PC)	Pengimport akan mengemukakan PC yang dikeluarkan oleh Badan Pensijilan (CB) dan adalah sah untuk tempoh 12 bulan . Proses mendapat PC hendaklah merujuk kepada CB yang berkenaan.
3	Verified factory by CIDB	Pihak CIDB akan membuat surveillance audit (sekiranya perlu) bagi produk yang mempunyai Product Certificate (PC)
4	Application of Certificate of Approval (COA)	Pengimport akan memohon COA kepada CIDB melalui sistem online e-permit yang lengkap dengan dokumentasi yang diperlukan.
5	Verification of Product at Point of Entry (POE)	CIDB akan memeriksa & mengesahkan produk di setiap pintu masuk Kastam (pelabuhan, CIQ, lapangan terbang, gudang dalam bon) sebelum pengeluaran COA.
6	Issuance of Certificate of Approval (COA)	CIDB meluluskan COA dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh pemeriksaan produk. Pemohon perlu mencetak COA secara online

6.1 Kaedah Pensijilan Produk (PC)

Kaedah pensijilan boleh menggunakan Kaedah 1A atau 1B.

i) Kaedah 1A : CB Tempatan

(Contoh : SIRIM, CREAM, IKRAM, CIDB Holding, AMQAS)

PC boleh dikeluarkan oleh CB yang diakreditasi oleh STANDARDS MALAYSIA. CIDB juga boleh meluluskan perlantikan mana-mana badan pensijilan jika perlu.

ii) Kaedah 1B : CB Luar negara

(Contoh : American Petroleum Institute (API))

PC boleh dikeluarkan oleh CB luar negara yang diakreditasi oleh badan akreditasi di negara pengeluar dan hendaklah penandatangan PAC, IAF atau MLA. CIDB juga boleh meluluskan perlantikan mana-mana badan pensijilan jika perlu.

Keterangan proses Kaedah 2 (FTTR):

1	Kelulusan makmal	CIDB meluluskan makmal tempatan atau asing yang dicadangkan oleh pengimport. Makmal tersebut hendaklah ditauliahkan oleh Badan Akreditasi mengikut ISO/IEC 17025 dengan skop ujian yang betul.
	Kelulusan IB	CIDB meluluskan IB tempatan atau asing yang dicadangkan oleh pengimport. IB tersebut hendaklah ditauliahkan mengikut ISO/IEC 17020 dengan skop ujian yang betul.
2	Sampling of Product	<u>2.1 Persampelan dalam negara</u> Setiap sampel akan diambil oleh makmal yang diakredit dan menjalankan ujian mengikut tatacara yang ditetapkan. Laporan persampelan hendaklah dikemukakan kepada CIDB. <u>2.2 Persampelan luar negara</u> Setiap sampel akan diambil oleh makmal atau IB mengikut tatacara yang ditetapkan dan dihantar untuk ujian di makmal samada di luar negara atau dalam negara. Laporan persampelan hendaklah dikemukakan kepada CIDB.
3	Product Testing In Accordance to Standards	Makmal akan melaksanakan ujian penuh sampel mengikut standard yang ditetapkan.

4	Issuance of Laboratory Test Report	Pihak makmal akan mengeluarkan laporan ujian penuh (FTTR) kepada pengimport. Laporan tersebut hendaklah dikemukakan kepada CIDB dan sahlaku untuk tempoh 6 bulan dari tarikh laporan dikeluarkan.
5	Approval of PPSi	Pihak pengimport perlu mendapatkan pengesahan Perakuan Pematuhan Standard Import (PPSi) melalui sistem CCPM.
6	Application of Certificate of Approval (COA)	Pengimport akan memohon COA kepada CIDB melalui sistem online e-permit yang lengkap dengan dokumentasi yang diperlukan.
7	Verification of Product at Point of Entry (POE)	CIDB akan memeriksa & mengesahkan produk di setiap pintu masuk Kastam (pelabuhan, CIQ, lapangan terbang, gudang dalam bon) sebelum pengeluaran COA.
8	Issuance of Certificate of Approval (COA)	CIDB akan mengeluarkan COA dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh pemeriksaan produk.

6.2 Kaedah Laporan Pengujian Makmal

Kaedah ini lebih sesuai bagi pengimport yang memilih untuk mengimport produk bagi suatu jangka masa tertentu sahaja. Kaedah laporan pengujian makmal boleh menggunakan Kaedah 2A atau 2B.

i) Kaedah 2A : Makmal Tempatan

Ujian boleh dijalankan oleh makmal yang diakreditasi oleh STANDARDS MALAYSIA. CIDB juga boleh meluluskan perlantikan mana-mana makmal jika perlu.

ii) Kaedah 2B : Makmal Luar negara

Ujian boleh dijalankan oleh makmal yang diakreditasi di bawah ILAC atau APLAC atau MRA dengan Malaysia. CIDB juga boleh meluluskan perlantikan mana-mana makmal jika perlu.

NOTA PENTING :-

- i. CIDB boleh mengarahkan Ujian tambahan seperti ujian penuh atau kritikal atau lain-lain ujian yang bersesuaian jika ada keraguan berhubung produk binaan tersebut walaupun pengimport telah memperolehi PC/API Monogram atau telah lulus semua ujian konsainan. Pengimport hendaklah mengatur ujian ini dan laporan ujian tersebut hendaklah dikemukakan kepada CIDB.

- ii. Bagi pengimport atau pengilang yang makmalnya mempunyai SAMM boleh menjalankan ujian penuh atau kritikal tertakluk kepada kelulusan Pengurus Besar Bahagian Bahan Binaan CIDB. Ujian ini hendaklah dijalankan di bawah pengawasan pegawai CIDB.
- iii. Pengimport tidak dibenarkan sama sekali membuat sampling sendiri dan menghantar sampel ke makmal.
- iv. Hanya produk yang memenuhi semua kehendak-kehendak standard sahaja yang dibenarkan untuk di import.
- v. Ujian kritikal perlu dijalankan untuk setiap konsainan bagi produk simen sahaja. Ujian ini juga kepada konsainan dibuat ke atas dimana terdapat keraguan oleh pihak CIDB hasil laporan verifikasi.

Nota :

Kaedah pengimportan :-

- i) Proses Kaedah PC Lampiran 2
- ii) Proses Kaedah FTTR/Produk besi dan keluli rujuk kepada Lampiran 3
- iii) Produk Simen rujuk Lampiran 4

PERINGATAN :

CIDB tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan di atas segala kehilangan/kerosakan terhadap harta benda atau sebarang kecacatan atau kecederaan secara langsung atau tidak terhadap orang perseorangan ketika pengambilan sampel atau verifikasi yang dijalankan oleh samada CB / Ejen atau sesiapa sahaja yang menjalankan ujian tersebut dengan atau tanpa kebenaran CIDB.

7.0 PERINGKAT VERIFIKASI DI LUAR NEGARA

Peringkat ini melibatkan lawatan pemeriksaan kilang dan verifikasi produk atau bahan binaan di kilang di luar negara sekiranya menggunakan kaedah *Product Certificate* (PC). Manakala sekiranya menggunakan kaedah *Full Type Test Report* (FTTR) melibatkan pengambilan sample di kilang luar negara serta pelaksanaan ujian ke atas sample di makmal ujian yang ditauliahkan. Sebelum pelaksanaan verifikasi di peringkat ini, pengimport perlu mematuhi perkara seperti berikut :-

- A) Kaedah PC
 - a) PC yang dikeluarkan kepada pengimport di Malaysia atau terus kepada kilang di luar negara tidak boleh ditukar milik tanpa kebenaran bertulis daripada CIDB;
 - b) Bagi Kaedah Pensijilan Produk (PC), pengimport hendaklah mengatur dengan pengilang di luar negara bagi pemeriksaan produk atau bahan binaan yang dikeluarkan oleh kilang berkaitan. Pegawai CIDB akan melakukan lawatan ke kilang tersebut bagi pengesahan produk selepas pengimport berjaya memperolehi PC; Prosidur lawatan kilang seperti di lampiran 12.

B) Kaedah FTTR

- a) Melantik *3rd Party Inspection Body* iaitu Badan Pemeriksaan Pihak Ketiga dan memilih makmal ujian mesti dilakukan sebelum verifikasi boleh dilaksanakan;
 - b) Bagi Kaedah Laporan Pengujian Penuh Makmal (FTTR), pengambilan sample di kilang yang dilakukan oleh pegawai CIDB atau badan pemeriksaan yang telah dilantik serta penghantaran sample tersebut ke makmal ujian yang telah disahkan perlu diuruskan oleh pengimport sepenuhnya;
- 7.2 Pengimport adalah bertanggungjawab dan mesti menanggung segala kos perjalanan seperti tiket kapal terbang, visa (sekiranya ada), *airport tax / passenger surcharge*, tempat penginapan, pengangkutan ke kilang, kemudahan makan dan minum, menyediakan insuran penerbangan perjalanan (*travelling insurance*) dan memastikan keselamatan pegawai CIDB yang membuat lawatan ke kilang;
- 7.3 Pengimport bertanggungjawab memastikan produk atau bahan binaan yang dikeluarkan daripada pengilang luar negara mesti mematuhi segala keperluan standard berkaitan;
- 7.4 Setiap produk atau bahan binaan yang diuji di makmal perlu lulus semua jenis ujian yang terdapat dalam standard dan kegagalan dalam ujian berkaitan boleh menyebabkan produk atau bahan binaan itu dilarang import ke negara ini;
- 7.5 CIDB berhak melaksanakan *market sampling* sekiranya perlu bagi memastikan kesahihan pematuhan standard ke atas produk atau bahan binaan pengimport yang berada di pasaran walaupun ia telah mempunyai PC atau FTTR sebelum ini.

8.0 TATACARA PERMOHONAN COA

8.1 Permohonan Permit Secara On-line Kaedah 1

- Verifikasi dijalankan di kawasan pelabuhan (*Inspection Bay , Bonded Warehouse dll.*)
- Kesemua produk yang terlibat kecuali *Iron & Steel (Optional)* serta Kaca
- Permohonan dihantar ke CIDB Cawangan mengikut pintu masuk (*port of entry*) atau terhampir.
- Semua permohonan COA hendaklah dibuat melalui *On-line*

CARTA ALIR 1 – PROSES PERMOHONAN PERMIT SECARA ‘ON-LINE’

Aliran Proses	Keterangan
<pre> graph TD MULA([MULA]) --> MOHON[MOHON] MOHON --> SEMAK{SEMAK DOKUMEN} SEMAK -- Tidak Lengkap --> P1[] SEMAK -- Lengkap --> PEMERIKSAAN{PEMERIKSAAN FIZIKAL} PEMERIKSAAN -- Gagal --> P2[] PEMERIKSAAN -- Di Syorkan --> P3[] P3 --> PENILAIAN{PENILAIAN LAPORAN VERIFIKASI} PENILAIAN -- Gagal --> P4[] PENILAIAN -- Lulus --> DAFTAR{DAFTAR} DAFTAR -- "Gagal oleh SMK Kastam" --> P5[] DAFTAR -- Kelulusan SMK --> TAMAT([TAMAT]) </pre>	<p>PENDAFTARAN Pemohon hendaklah berdaftar dengan Dagang Net Technologies Sdn. Bhd untuk mendapatkan akses ke permohonan e-permit.</p> <p>PERMOHONAN PERMIT</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon memohon permit di http://epermit.dagangnet.com dengan memasukkan semua maklumat ke dalam sistem dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan. 2. Semua dokumen sokongan hendaklah disertakan pada setiap permohonan ke dalam sistem. Bagi dokumen yang tidak dapat dimuatnaik pada sistem perlu dihantar ke pejabat CIDB.
	<p>PROSES SEMAKAN DOKUMEN (“DESK VERIFY”)</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. “Desk Verifier” CIDB akan menyemak permohonan permit di http://epermit.dagangnet.com. Sekiranya terdapat kesilapan, pegawai tersebut boleh menolak permohonan yang dibuat. Pemohon dikehendaki memohon semula dengan membetulkan kesilapan. Permohonan yang telah disemak akan menjalani proses penyediaan dokumen bagi tujuan verifikasi dan surat makluman verifikasi akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemohon.
	<p>PROSES PEMERIKSAAN FIZIKAL (“VERIFY”)</p> <ol style="list-style-type: none"> 4. Pegawai Verifikasi CIDB akan membuat pemeriksaan secara fizikal terhadap produk binaan di pintu masuk Kastam. Seterusnya akan membuat laporan verifikasi dalam tempoh 24 jam untuk dihantar kepada Pegawai Pengesyori. 5. Pegawai Pengesyori akan menyemak laporan verifikasi dan sekiranya tidak mematuhi kehendak M.S, Pegawai Pengesyori boleh menolak permohonan yang dibuat. Laporan yang telah diperiksa dan disahkan benar akan dihantar beserta permohonan permit kepada “Approver” CIDB untuk kelulusan.
	<p>PROSES KELULUSAN (“APPROVAL”)</p> <ol style="list-style-type: none"> 6. “Approver” CIDB akan meluluskan permohonan permit di http://epermit.dagangnet.com. Permohonan permit akan disemak sekali lagi sebelum diluluskan. Sekiranya terdapat kesilapan, “Approver” CIDB boleh menolak permohonan yang dibuat. Permit yang telah diluluskan akan dihantar ke SMK.
	<p>PROSES PENDAFTARAN</p> <ol style="list-style-type: none"> 7. SMK akan menyemak permit secara automatik. Sekiranya terdapat kesilapan, permit boleh ditolak oleh SMK. 8. Setelah permit didaftarkan di SMK, pemohon TIDAK PERLU mendapatkan tandatangan dari CIDB. TIADA SALINAN “HARDCOPY” permit akan dikeluarkan (kecuali untuk kes tertentu).

**8.2 Permohonan Permit Secara On-line dan Pemeriksaan secara Manual
Kaedah 2 (Akujanji)**

- Verifikasi dijalankan di kawasan premis , tapak bina, gudang atau kilang.
- Bagi produk *Iron & Steel (Optional)* serta Kaca.
- Permohonan dihantar ke CIDB Cawangan mengikut lokasi pemeriksaan verifikasi atau terhampir.
- Semua permohonan COA hendaklah dibuat melalui *On-line*.

CARTA ALIR 2 – PROSES PERMOHONAN PERMIT SECARA ‘ON-LINE’

Aliran Proses	Keterangan
<pre> graph TD M([MULA]) --> MO[MOHON] MO --> SD{SEMAK DOKUMEN} SD -- Lengkap --> PD{PENILAIAN DOKUMEN PERMOHONAN} SD -- Tidak Lengkap --> ML[] PD -- Gagal --> K1{ } PD -- Lulus --> DA[DAFTAR] K1 --> K2{PEMERIKSAAN FIZIKAL} DA -- Gagal oleh SMK Kastam --> K2 DA -- Kelulusan SMK --> K3{PENILAIAN LAPORAN VERIFIKASI} K2 -- Gagal --> K3 K3 -- Gagal --> TAM([TAMAT]) K3 -- Lulus --> TAM </pre>	PENDAFTARAN Pemohon hendaklah berdaftar dengan Dagang Net Technologies Sdn. Bhd untuk mendapatkan akses ke permohonan e-permit. PERMOHONAN PERMIT <ol style="list-style-type: none"> 1. Pemohon memohon permit di http://epermit.dagangnet.com dengan memasukkan semua maklumat ke dalam sistem dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan. 2. Semua dokumen sokongan hendaklah disertakan pada setiap permohonan ke dalam sistem. Bagi dokumen yang tidak dapat dimuatnaik pada sistem perlu dihantar ke pejabat CIDB.
	PROSES SEMAKAN DOKUMEN (DESK VERIFY) <ol style="list-style-type: none"> 3. “Desk Verifier” CIDB akan menyemak permohonan permit di http://epermit.dagangnet.com. Sekiranya terdapat kesilapan, pegawai tersebut boleh menolak permohonan yang dibuat. Pemohon dikehendaki memohon semula dengan membetulkan kesilapan. Permohonan yang telah disemak akan menjalani proses penyediaan dokumen bagi tujuan verifikasi dan surat makluman verifikasi akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemohon.
	PROSES PENILAIAN DOKUMEN (VERIFY) & KELULUSAN (APPROVAL) <ol style="list-style-type: none"> 4. Pegawai Pengesyur akan menyemak dokumen permohonan dan sekiranya tidak mematuhi kehendak prosedur Pegawai Pengesyur boleh menolak permohonan yang dibuat. Penilaian yang telah diperiksa dan disahkan benar akan dihantar beserta permohonan permit kepada “Approver” CIDB untuk kelulusan.
	PROSES KELULUSAN (“APPROVAL”) <ol style="list-style-type: none"> 6. “Approver” CIDB akan meluluskan permohonan permit di http://epermit.dagangnet.com. Permohonan permit akan disemak sekali lagi sebelum diluluskan. Sekiranya terdapat kesilapan, “Approver” CIDB boleh menolak permohonan yang dibuat. Permit yang telah diluluskan akan dihantar ke SMK.
	PROSES PENDAFTARAN <ol style="list-style-type: none"> 7. SMK akan menyemak permit secara automatik. Sekiranya terdapat kesilapan, permit boleh ditolak oleh SMK. 8. Setelah permit didaftarkan di SMK, pemohon TIDAK PERLU mendapatkan tandatangan dari CIDB. TIADA SALINAN “HARDCOPY” permit akan dikeluarkan (kecuali untuk kes tertentu).
	PROSES PEMERIKSAAN FIZIKAL (“VERIFY”) <ol style="list-style-type: none"> 9. Pegawai Verifikasi CIDB akan membuat pemeriksaan secara fizikal terhadap produk binaan di premis, tapak bina dll seperti yang dicadangkan. Seterusnya akan membuat laporan verifikasi dalam tempoh 24 jam untuk dihantar kepada Pegawai Pengesyur. 10. Pegawai Pengesyur akan menyemak laporan verifikasi dan sekiranya tidak mematuhi kehendak M.S, Pegawai Pengesyur boleh menolak permohonan yang dibuat. Laporan yang telah diperiksa dan disahkan benar akan dihantar beserta permohonan permit kepada “Approver” CIDB untuk kelulusan pengeluaran Surat Kebenaran Penggunaan.

8.3 Permohonan Permit Secara Manual

Sekiranya terdapat gangguan sistem melebihi 4 Jam, permohonan COA boleh dilakukan secara manual.

CARTA ALIR 3 – PROSES PERMOHONAN PERMIT SECARA ‘MANUAL’ (Sekiranya sistem e-permit mengalami gangguan teknikal)

Aliran Proses	Keterangan
<pre> graph TD M([MULA]) --> MO[MOHON] MO --> SD{SEMAK DOKUMEN} SD -- Tidak Lengkap --> MO SD -- Lengkap --> PF{PEMERIKSAAN FIZIKAL} PF -- Gagal --> SD PF -- Di Syorkan --> PLV{PENILAIAN LAPORAN VERIFIKASI} PLV -- Gagal --> PF PLV -- Lulus --> K[KEMASKINI] K -- "Gagal oleh SMK Kastam" --> PLV K --> DA[DAFTAR] DA --> TA[TAMAT] </pre>	PERMOHONAN PERMIT 11. Semasa gangguan sistem, permohonan permit dilakukan secara manual. Pemohon hendaklah mengisi borang Q1 yang dikehendaki oleh CIDB dan dihantar ke pejabat CIDB bersama-sama dokumen sokongan untuk semakan dan kelulusan.
	PROSES SEMAKAN DOKUMEN (“DESK VERIFY”) 12. “Desk Verifier” CIDB akan menyemak permohonan. Sekiranya terdapat kesilapan, permohonan boleh ditolak oleh “Desk Verifier” CIDB. No. Permohonan yang dikeluarkan akan disimpan. Permohonan yang telah disemak akan menjalani proses penyediaan dokumen bagi tujuan verifikasi dan surat makluman verifikasi akan dikeluarkan dan dihantar kepada pemohon.
	PROSES PEMERIKSAAN FIZIKAL (“VERIFY”) 13. Pegawai Verifikasi CIDB akan membuat pemeriksaan secara fizikal terhadap produk binaan di pintu masuk Kastam. Seterusnya akan membuat laporan verifikasi dalam tempoh 24 jam untuk dihantar kepada Pegawai Pengesyori. 14. Pegawai Pengesyori akan menyemak laporan verifikasi dan sekiranya tidak mematuhi kehendak M.S, Pegawai Pengesyori boleh menolak permohonan yang dibuat. Laporan yang telah diperiksa dan disahkan benar akan dihantar beserta permohonan permit kepada “Approver” CIDB untuk kelulusan.
	PROSES KELULUSAN (“APPROVAL”) 15. Permohonan COA akan disemak sekali lagi. Sekiranya terdapat kesilapan, permohonan boleh ditolak oleh “Approver” CIDB. Setelah COA diluluskan, COA akan diberikan kepada pemohon.
	KEMASKINI DATA PERMIT MANUAL 16. Semasa sistem pulih kembali, pemohon akan memasukkan data permit yang diluluskan secara manual ke dalam sistem untuk dihantar ke CIDB bagi proses pendaftaran.
	PROSES PENDAFTARAN 17. Permit akan didaftar secara automatik di dalam SMK.

Semasa permohonan COA dilakukan, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap beserta dokumen-dokumen seperti berikut:-

- Permohonan e-permit *online* yang lengkap / Borang Q1 (sekiranya berlaku gangguan sistem e-permit).
- Salinan BL
- Surat asal pengesahan daripada ‘manufacturer’ atau ‘exporter’
- Salinan Resit asal untuk bayaran verifikasi.
- Salinan Packing List dan Invoice.
- Salinan PC (bagi kaedah 1).
- Salinan asal Laporan Ujian Penuh (FTTR) dan laporan persampelan (kaedah 2). Untuk konsainan seterusnya, PPS-i perlu disertakan bagi menggantikan FTTR.
- Salinan Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - untuk permohonan kali pertama.
- Salinan Mill of Certificate – mengikut keperluan produk binaan.
- Surat asal Surat Akujanji Kaedah Persijilan Produk / Konsigmen (Bagi Kaedah Akujanji)

NOTA:-

Sekiranya pihak pengimport menggunakan Q1, maka salinan PC hendaklah disahkan sebagai **salinan diakui sah** atau *certified true copy* oleh pegawai CIDB gred 41 ke atas atau oleh CB yang mengeluarkan sijil tersebut.

9.0 PERINGKAT VERIFIKASI DI DALAM NEGARA

Perlaksanaan verifikasi melibatkan produk atau bahan binaan di mana-mana pintu masuk kastam atau di tempat atau lokasi seperti yang dipersetujui oleh CIDB. Sebelum perlaksanaan verifikasi di peringkat ini, pengimport perlu mematuhi perkara seperti berikut:-

- a) Pengimport hendaklah menghubungi Pegawai Verifikasi yang telah dinamakan melalui surat pemakluman yang akan dikeluarkan oleh CIDB untuk mengatur lokasi dan masa bagi tujuan verifikasi.
- b) PV CIDB / Lantikan akan mengadakan verifikasi pada tempat dan masa di lokasi yang ditentukan oleh pengimport seperti berikut:-
 - i. Depot Darat / Jalan Darat
 - ii. Pelabuhan
 - iii. Terminal Lapangan Terbang
 - iv. Dan lain-lain premis / tapak yang dipersetujui oleh CIDB
- c) Pegawai Verifikasi boleh menjalankan kerja-kerja verifikasi pada hari cuti umum dan hujung minggu.
- d) Laporan Verifikasi Konsainan akan disediakan dalam tempoh 24 jam selepas menjalankan kerja-kerja verifikasi.
- e) Pengimport hendaklah memastikan keselamatan Pegawai Verifikasi semasa menjalankan verifikasi. Pegawai Verifikasi boleh memilih tidak menjalankan verifikasi sekiranya mendapati keselamatan beliau tidak terjamin.

- f) Fi akan dikenakan (rujuk Para 14) untuk setiap verifikasi dijalankan. Pengimport yang gagal mengatur verifikasi pada tarikh yang dipersetujui / ditetapkan atau gagal memaklumkan kepada CIDB dalam tempoh dua (2) hari sebelum verifikasi akan dikenakan bayaran sekali lagi dan pengimport perlu memohon tarikh baru untuk verifikasi.

Verifikasi di Pelabuhan atau Gudang Berlesen:

- g) 'Seal' kontena asal tidak boleh dibuka sehingga pegawai verifikasi hadir dan memberi arahan untuk membukanya. (verifikasi di pelabuhan)
- h) Sekiranya pengimport terpaksa membuka 'seal' kontena bagi tujuan pengujian oleh makmal, seal asal hendaklah disimpan di dalam kontena berkenaan untuk pemeriksaan oleh pegawai verifikasi CIDB.
- j) Pengimport hendaklah menempatkan kontena yang dipilih oleh CIDB untuk verifikasi di tempat yang boleh dilakukan kerja-kerja pemunggahan ke atas isian kontena untuk pemeriksaan. Pemeriksaan produk adalah 10% merangkumi kesemua gred / model / jenis / saiz dari keseluruhan konsainan.
- k) Pengimport tidak dibenarkan menyediakan gred / model / jenis / saiz untuk PV membuat pemeriksaan sekiranya pemeriksaan dilakukan di dalam gudang berlesen. PV akan memilih secara rawak gred / model / jenis / saiz.
- l) Bagi verifikasi ke atas produk binaan yang disimpan di dalam kapal, perkara berikut perlu dipatuhi :
- Pastikan bahawa konsainan tersebut disimpan secara teratur dan mudah untuk membuat pemeriksaan mengikut konsainan masing-masing.
 - Pastikan BL mengandungi maklumat lengkap kapal yang terlibat.
 - Langkah-langkah keselamatan ketika pemeriksaan tertakluk kepada prosedur keselamatan yang ditentukan CIDB.

Verifikasi di Premis / Gudang / Tapak Bina.

- k) Bagi verifikasi di premis (kaedah akujanji) dan gudang berlesen, produk binaan adalah dibenarkan dikeluarkan dari kontena dengan syarat 'seal' perlu disimpan dan perlu dikemukakan kepada pegawai verifikasi semasa verifikasi dijalankan. Pemeriksaan produk adalah 100% (seperti yang diisyiharkan oleh pengimport di dalam Packing List / Invoice).
- l) Sekiranya pegawai verifikasi mendapat terdapat keraguan berhubung produk binaan yang diimport di dalam salah satu kontena berkenaan, pegawai verifikasi boleh memilih kontena tambahan untuk tujuan verifikasi.
- m) Pengimport perlu menyediakan kontena tambahan untuk tujuan verifikasi sekiranya terdapat keraguan terhadap isian produk didalam kontena tersebut.

- n) Pengimport tidak dibenarkan menyediakan gred / model / jenis / saiz untuk PV membuat verifikasi. PV berhak memilih secara rawak berdasarkan gred / model / jenis / saiz.
- o) Pastikan bahawa konsainan tersebut disimpan secara teratur dan mudah untuk membuat pemeriksaan mengikut konsainan masing-masing.
- p) ‘Seal’ asal dan nombor kontena hendaklah disimpan dan dikemukakan kepada Pegawai Verifikasi semasa pemeriksaan dijalankan.

10.0 SYARAT-SYARAT VERIFIKASI

Pengimport hendaklah memastikan syarat-syarat dibawah dipatuhi dan kegagalan mematuhi syarat-syarat tersebut boleh menyebabkan kerja-kerja verifikasi tidak dapat dijalankan. Untuk tujuan verifikasi, pengimport hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:-

- a) Fi verifikasi dijelaskan
- b) Kontena siap sedia ditempat yang dikhaskan
- c) Memastikan pengimport atau wakil sah perlu hadir pada masa ditetapkan dan perlu berada di lokasi sepanjang tempoh verifikasi. Sekiranya pengimport atau wakil sah gagal hadir, selepas tempoh satu (1) jam daripada masa yang ditetapkan, dianggap gagal.
- d) Memberi kebenaran kepada PV yang dilantik untuk memasuki premis pada bila-bila masa yang wajar pada pertimbangan CIDB.
- e) Penangguhan verifikasi boleh dipertimbangkan oleh CIDB, sekiranya terdapat perkara-perkara luar jangka (hujan lebat, jerebu dsb) pada masa verifikasi dijalankan.
- f) Menyediakan kemudahan kenderaan dan peralatan yang diperlukan oleh PV bagi tujuan verifikasi keatas produk binaan seperti forklift, tenaga manusia, jentera atau lain-lain yang berkaitan.
- g) Pengimport hendaklah menyediakan penginapan sekiranya diperlukan.
- h) Memastikan langkah-langkah bagi menjaga keselamatan PV semasa verifikasi dijalankan.
- i) Pengimport perlu melantik wakil yang diberi kuasa dan mempunyai pengetahuan serta pengalaman mengenai produk yang dibawa masuk. Kegagalan menyediakan gred/ model/ jenis/ saiz yang diperlukan oleh PV boleh menyebabkan kegagalan verifikasi tersebut.

11.0 SENARAI JENIS KESALAHAN DAN KETIDAKPATUHAN SERTA TINDAKAN TATATERTIB SEMASA VERIFIKASI PELABUHAN

Berdasarkan Akta 520, bahan binaan yang diimport perlu mematuhi syarat-syarat yang dimeterai dalam akta tersebut. Kegagalan berbuat demikian akan dikenakan tindakan tatatertib terhadap pengimport yang membawa masuk bahan yang tidak diperakui pihak CIDB. Jadual di bawah menunjukkan jenis-jenis kesalahan yang boleh berlaku semasa verifikasi serta tindakan selanjutnya.

Kesemua kesalahan yang dijadualkan boleh dikenakan tindakan seperti memberi surat peringatan pertama, tidak boleh menggunakan kaedah COA Akujanji, membaiki dan menjalani Proses Verifikasi semula dengan fi bayaran yang telah ditetapkan, mengadakan Ujian Kritikal atau menyenarai hitam syarikat yg terlibat.

JADUAL KESALAHAN DAN TINDAKAN TATATERTIB BAGI KESALAHAN SEMASA VERIFIKASI DI PELABUHAN

BIL	KESALAHAN / SITUASI KEJADIAN	HUKUMAN
1	Memalsukan dan mengubahsuai <i>Certificate Of Approval (COA) / Product Certificate (PC) / PPS / PPSi</i>	Batal dan Gantung sehingga 1 tahun
2	Memalsukan atau mengubahsuai kandungan dokumen sokongan.	Batal dan Gantung sehingga 1 tahun
3	Melakukan penipuan terhadap produk binaan semasa menjalankan verifikasi produk.	Batal dan Gantung sehingga 1 tahun
4	Melanggar Akujanji (produk diguna, hilang, lokasi berbeza)	Batal dan Gantung sehingga 1 tahun
5	'Heat No'. berbeza dari ' <i>mill certificate</i> ' (<i>FTTR</i>)	Batal dan Gantung sehingga 1 tahun
6	'Heat' No. berbeza dari ' <i>mill certificate</i> ' (<i>PC</i>)	Batal dan Gantung sehingga 1 tahun
BIL	KESALAHAN / SITUASI KEJADIAN	HUKUMAN
7	Penandaan 'marking' tidak patuh standard – ' <i>Full Type Test Report</i> ' (<i>FTTR</i>)	Gantung tidak lebih dari 3 bulan
8	Penandaan / 'marking' tidak patuh standard – ' <i>Product Certificate</i> ' (<i>PC</i>)	Gantung tidak lebih dari 3 bulan
9	Produk / model tiada dalam senarai ' <i>Product Certificate Licence</i> ' (<i>PCL</i>) / Perakuan Pematuhan Standard Import (<i>PPSi</i>)	Gantung tidak lebih dari 6 bulan
BIL	KESALAHAN / SITUASI KEJADIAN	HUKUMAN
10	Salah isytihar produk/ kuantiti (semasa permohonan)	Gantung tidak lebih dari 6 bulan
11	Tidak dapat menyediakan kontena / bahan binaan dengan sempurna.	Gantung tidak lebih dari 3 bulan

12.0 SENARAI PENGECUALIAN COA

Permohonan pengecualian COA boleh dipertimbangkan berasaskan kepada syarat-syarat berikut :

- i. Bagi kegunaan sektor gas dan minyak (drilling & maintenance).
- ii. Produk selain dari besi dan keluli bagi kegunaan automotif, maritim dan pembinaan kapal, aeroangkasa, boiler dan pressure vessels, elektrik dan elektronik dan aluminium converter / flexible packaging.
- iii. Tujuan 100% re-eksport dengan mengemukakan dokumen seperti Letter of Award / Letter Offer / Purchase Order dari pemilik projek, salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- iv. Arahan-arahan dari masa ke semasa yang ditetapkan oleh pihak MITI;
- v. Jubin yang tidak termasuk dalam Perintah Kastam, seperti jubin buatan tangan, bukan jenis dry-pressed atau extruded type, kaedah pembuatan yang tidak termasuk dalam MS ISO 13006;
- vi. Tujuan import untuk pengujian di makmal yang diluluskan oleh CIDB. Surat sokongan daripada CB;
- vii. Sampling yang diambil oleh pegawai CIDB untuk tujuan ujian dari kilang luar negara;
- viii. Tujuan import adalah untuk kegunaan yang amat terhad, dan pada penilaian CIDB mempunyai asas dan kewajaran untuk diberi pengecualian.

Berikut ialah senarai pengecualian COA bagi tujuan pameran atau sampel.

ITEM	KETERANGAN PRODUK	KUANTITI DIBENARKAN
1	Jubin Seramik	3m ² / kod rekabentuk 10m ² untuk pameran
2	Sanitary ware	2 unit / model
3	Simen	500 kg
4	Besi dan Keluli	500 kg
5	Glass Products	500 kg
6	Cement Flat Sheets	500 kg
7	Radiant barriers	500 kg

Nota :

1. Semua permohonan pengecualian mestilah dikemukakan oleh pemilik produk bersama-sama dokumen seperti berikut :
 - i. Surat Permohonan
 - ii. Spesifikasi / Brosur / Laporan Teknikal / Gambar Produk
 - iii. Bill of Lading/ Air Way Bill / Transportation Bill
 - iv. Inbois
 - v. Packing List
 - vi. LOA atau PO (Sekiranya perlu)
 - vii. Akuan Bersumpah (Sekiranya perlu)
 - viii. Summary of Company Profile (Cetak dari SSM Online)
 - x. Lain-lain Dokumen berkaitan
2. Kelulusan pengecualian COA yang tidak mengikut syarat-syarat di atas akan ditentukan oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pengecualian COA.

13.0 KADAR FI DAN YURAN

A. Bahan Binaan Import

BIL	KETERANGAN PERKHIDMATAN	FI SEMASA
1	Fi perkhidmatan verifikasi (pengesahan) konsainan di pintu sempadan Malaysia	RM 1000 / permohonan hari bekerja @ hujung minggu @ cuti umum
2	Fi pemprosesan permohonan pengecualian COA.	RM 100 / permohonan pengecualian.

B. Cara Pembayaran

Bayaran perlu dibuat secara On-line melalui sistem CCPM dengan melayari pautan berikut: ccpm.cidb.gov.my.

Sekiranya pembayaran dibuat di kaunter pembayaran, proforma invoice perlu disertakan. Proforma Invoice boleh dimuat turun di dalam sistem CCPM.

C. Masalah Pembayaran

Sebarang masalah pembayaran dan transaksi sila berurusan terus dengan Bahagian berikut:-

BIL	JENIS MASALAH PEMBARAN	BHG. DI HUBUNGI
1	Kegagalan pembayaran dan transaksi On-line	Bahagian Pengurusan Maklumat Ibu Pejabat CIDB e-mail : bahagian.pengurusan.maklumat@cidb.gov.my
2	Resit / Proforma Invois tidak boleh dicetak	Unit Pengurusan Hasil Bahagian Kewangan & Akaun Ibu Pejabat CIDB e-mail : hasilhq@cidb.gov.my

**14.0 TATACARA PERMOHONAN PERAKUAN PEMATUHAN STANDARD (PPSi)
BAGI BAHAN BINAAN IMPORT**

14.1 SYARAT UTAMA BAGI PEMOHON

- i. Pemohon mestilah warga Negara Malaysia atau mempunyai taraf pemastautin tetap.
- ii. Mempunyai syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) serta mempunyai akaun E-permit dengan Dagang.net.
- iii. Pemohon perlu memastikan bahan binaan tersebut tersenarai di dalam Jadual ke-4 CIDB.
- iv. Bagi pemohon yang menggunakan kaedah sijil produk (PC), pemohon perlu memastikan kilang tersebut telah menjalani verifikasi oleh CIDB. Mendaftar untuk menggunakan sistem CCPM di ccpm.cidb.gov.my dengan menyertakan salinan dokumen berikut (penggunaan kali pertama sahaja):- Salinan Sijil Pendaftaran Syarikat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM/ RoC/RoB), MAA, Borang 49, Borang 24, Borang 44 dan / atau bukti Pendaftaran dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang masih sah laku bagi Sabah & Sarawak.

14.2 PERMOHONAN PPSi MENGGUNAKAN KAE DAH SIJIL PRODUK (PC).

14.2.1 Sijil Produk dimiliki oleh pemohon.

- a. Mengatur lawatan pemeriksaan kilang dan produk (rujuk lampiran 9).
- b. Permohonan dibuat secara atas talian melalui sistem ccpm.cidb.gov.my selepas tempoh masa 5 hari bekerja dari tarikh lawatan pemeriksaan kilang dan verifikasi produk dijalankan.
- c. Pemohon memilih kaedah Long Term di dalam sistem.
- d. Mengisi kesemua maklumat yang diperlukan dengan teliti termasuk mengenalpasti HS Code setiap produk yang diimport.
- e. Hanya produk (saiz/model/gred) yang dinyatakan dalam PC sahaja dibenarkan untuk didaftarkan di dalam sijil PPSi.
- f. Dokumen utama yang diperlukan ketika membuat permohonan atas talian ialah salinan PC yang masih dalam tempoh sah laku.

14.2.2 Sijil Produk dimiliki oleh pengilang luar negara.

- a. Pemohon perlu memastikan kilang tersebut telah pun menjalani lawatan pemeriksaan kilang dan verifikasi produk oleh pihak CIDB dengan mendapatkan salinan Letter of Standard Compliance dari pengilang.
- b. Sekiranya pengilang masih belum mempunyai Letter of Standard Compliance dari CIDB, adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk berurusan dengan kilang bagi mengaturkan sesi lawatan pemeriksaan dan verifikasi produk ke kilang tersebut. Rujuk Lampiran 9.
- c. Permohonan dibuat secara atas talian melalui sistem ccpm.cidb.gov.my. Pemohon memilih kaedah Long Term di dalam sistem.
- d. Mengisi kesemua maklumat yang diperlukan dengan teliti termasuk mengenalpasti HS Code setiap produk yang diimport.

- e. Hanya produk (saiz/model/gred) yang dinyatakan dalam PC sahaja dibenarkan untuk didaftarkan di dalam sijil PPSi.
- f. Memuat naik dokumen yang dinyatakan dalam sistem. Dokumen utama yang diperlukan ketika membuat permohonan atas talian ialah salinan PC yang masih dalam tempoh sah laku dan Letter of Standard Compliance.

14.3 PERMOHONAN PPSi MENGGUNAKAN KAEDEAH LAPORAN UJIAN PENUH (FTTR)

- a. Permohonan dibuat secara atas talian melalui sistem ccpm.cidb.gov.my. Pemohon memilih kaedah Short Term di dalam sistem.
- b. Memuat naik dokumen yang dinyatakan dalam sistem. Dokumen utama yang diperlukan ketika membuat permohonan atas talian ialah salinan Borang TPIB dan Laporan Ujian Penuh yang telah diluluskan oleh CIDB.

14.4 PERMOHONAN PEMBAHARUAN SIJIL PPSi

- a. Sistem CCPM akan memaklumkan kepada pengguna sekiranya tarikh sijil akan tamat dengan mengeluarkan butang pembaharuan (renew button) pada setiap permohonan sijil yang akan tamat.
- b. Pemohon perlu mengetik (click) butang pembaharuan tersebut dan memuat naik PC yang masih mempunyai tempoh sah laku.
- c. Pemohon perlu mengemaskini item produk sekiranya terdapat penambahan produk pada PC yang dikemukakan.

14.5 KELULUSAN SIJIL PPSi

Sijil PPSi boleh dicetak oleh pemohon secara online setelah pihak CIDB meluluskan permohonan yang dibuat. Hanya permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sahaja akan diluluskan.


14.6 TEMPOH SAH PPSi

Tempoh sah laku PPSi adalah satu (1) tahun dari tarikh kelulusan sijil.

Carta Alir 4: Proses Pemohonan Secara “On-Line” (Kaedah PC)

ALIRAN PROSES	KETERANGAN
<pre> graph TD M([MULA]) --> MA[MOHON AKSES] MA --> MO[MOHON] MO --> SEMAK{SEMAK} SEMAK -- Tidak lengkap --> MO SEMAK -- Lengkap --> KELULUSAN{KELULUSAN} KELULUSAN -- Gagal --> MO KELULUSAN -- Lulus --> PPS[PPS] KELULUSAN -- Lulus --> COA[COA] PPS --> TAMAT([TAMAT]) COA --> TAMAT </pre>	<p>AKSES Pemohon hendaklah mendapatkan akses (daftarkan username dan password) ke sistem CCPM (rujuk Lampiran 11).</p> <p>PERMOHONAN (APPLICATION)</p> <ul style="list-style-type: none"> Pemohon memohon di ccpm.cidb.gov.my dengan memasukkan semua maklumat ke dalam sistem dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan.
	<p>SEMAKAN DOKUMEN(DOCUMENT CHECK)</p> <ol style="list-style-type: none"> Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan.
	<p>KELULUSAN (APPROVAL)</p> <ol style="list-style-type: none"> Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi <u>5 hari bekerja</u>.
	<p>PENGELUARAN PPSi (ISSUANCE OF CoSC)</p> <ol style="list-style-type: none"> Setelah PPSi diluluskan, pemohon boleh meneruskan dengan permohonan COA di sistem epermit (http://epermit.dagangnet.com) <p>*Nota – Sijil perlu dicetak oleh pemohon setelah permohonan diluluskan oleh pihak CIDB.</p>

Carta Alir 5 : Proses Pemohonan Secara “On-Line” (Permohonan Pembaharuan)



Carta Alir 6: Proses Pemohonan Secara “On-Line” (Permohonan Penambahan Produk)

ALIRAN PROSES	KETERANGAN
<pre> graph TD M([MULA]) --> MO[MOHON] MO --> SEMAK{SEMAK} SEMAK -- Tidak lengkap --> MO SEMAK -- Lengkap --> KELULUSAN{KELULUSAN} KELULUSAN -- Gagal --> MO KELULUSAN -- Lulus --> PPS[PPS] PPS --> TAMAT([TAMAT]) PPS --> COA[COA] COA --> TAMAT </pre>	<p><u>PERMOHONAN (APPLICATION)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Pemohon memohon di ccpm.cidb.gov.my dengan memasukkan semua maklumat ke dalam sistem seperti permohonan baru dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan.
	<p><u>SEMAKAN DOKUMEN (DOCUMENT CHECK)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan.
	<p><u>KELULUSAN (APPROVAL)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi 2 hari bekerja.
	<p><u>PENGELUARAN PPS (ISSUANCE OF CoSC)</u></p> <ol style="list-style-type: none"> Setelah PPS diluluskan, pemohon boleh meneruskan dengan permohonan COA di sistem epermit (http://epermit.dagangnet.com) <p>* Nota – Sijil perlu dicetak oleh pemohon setelah permohonan diluluskan oleh pihak CIDB.</p>

Carta Alir 7: Proses Pemohonan Secara “On-Line” (Kaedah FTTR)

ALIRAN PROSES	KETERANGAN
<pre> graph TD M([MULA]) --> MA[MOHON AKSES] MA -- "Tunggu pengesahan" --> M[MOHON] M --> S{SEMAK} S -- Lengkap --> K{KELULUSAN} S -- Tidak lengkap --> M K -- Gagal --> COA[COA] K -- Lulus --> PPS[PPS] PPS --> T([TAMAT]) COA --> T </pre>	<p>AKSES</p> <ol style="list-style-type: none"> Pemohon hendaklah memohon akses (daftarkan username dan password) ke sistem CCPM (rujuk Lampiran 11). <p>PERMOHONAN (APPLICATION)</p> <ul style="list-style-type: none"> Pemohon memohon di ccpm.cidb.gov.my dengan memasukkan semua maklumat ke dalam sistem dan dihantar ke CIDB untuk semakan dan kelulusan.
	<p>SEMAKAN DOKUMEN (DOCUMENT CHECK)</p> <ol style="list-style-type: none"> Permohonan akan disemak dan bagi permohonan yang tidak lengkap maka pemohon dikehendaki melengkapkan permohonan.
	<p>KELULUSAN (APPROVAL)</p> <ol style="list-style-type: none"> Keputusan kelulusan akan dikeluarkan tidak melebihi <u>3 hari bekerja</u>.
	<p>PENGELUARAN PPS (ISSUANCE OF CoSC)</p> <ol style="list-style-type: none"> Setelah PPSI diluluskan, pemohon boleh meneruskan dengan permohonan COA di sistem epermit (http://epermit.dagangnet.com) <p>* Nota – Sijil perlu dicetak oleh pemohon setelah permohonan diluluskan oleh pihak CIDB.</p>

Manufacturer's Company Letter Head

To : **CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD MALAYSIA (CIDB)**
 CIDB Headquarters, 35th Floor, Menara Dato' Onn, Putra World Trade Centre
 No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480, Kuala Lumpur.
MALAYSIA
 Tel : 603-40477000 (GL)
 Fax: 603-40477420

Attn : **General Manager**
Construction and Material Division

MANUFACTURER'S LETTER OF CONFIRMATION

With reference to the above, we hereby confirm the details described below.

Details of Manufacturer:-

Full Name and Full Address of the Manufacturer

No	Description of Product (size, type, model, group & others)	Code Product	Quantity	Brand Name on the Packaging (Boxes / Cartons / others)	Marking on the Product

In additional, we also hereby confirm that the said product is being arranged for export by Name of Exporter (where applicable) to Name of Importer, as the consignment detailed below :-

- 1. Invoice, Packing List No. & Date and**
- 2. Bill of Lading No. & Date**

Signature:

Name:

Designation:

Date:

Firm / Company Stamp:

Manufacturer's Company Letter Head

To : **CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD MALAYSIA (CIDB)**
 CIDB Headquarters, 35th Floor, Menara Dato' Onn,
 Putra World Trade Centre
 No. 45, Jalan Tun Ismail, 50480, Kuala Lumpur.
 MALAYSIA
 Tel : 603-40477000 (GL)
 Fax: 603-40477420

Attn : **General Manager**
Construction and Material Division

EXPORTER'S LETTER OF CONFIRMATION

With reference to the above, we hereby confirm the details described below.

Details of Exporter:-

Full Name and Full Address of the Exporter

No	Description of Product (size, type, model, group & others)	Code Product	Quantity	Brand Name on the Packaging (Boxes / Cartons / others)	Marking on the Product

In additional, we also hereby confirm that the said product is being arranged for export by Name of Manufacturer to Name of Importer, as the consignment detailed below :-

1. Invoice, Packing List and Bill of Lading No. & Date:

Signature:

Name:

Designation:

Date:

Firm / Company Stamp:



APPOINTMENT OF 3RD PARTY INSPECTION BODY (TPIB) & FOREIGN / LOCAL ACCREDITED LABORATORY

A. APPLICANT INFORMATION

1. Company Name & Address			
2. Business Registration No.		3. Contact Person	
4. Tel. No		5. Fax. No	
6. E-mail Address			
7. Sampling Location			

B. PRODUCT INFORMATION

Product	Grade	Standard	HS Code	Size/Diameter	Total Quantity	Usage

(Please use Annex A if insufficient space) / (Attach Mill Certificate)

C. THIRD PARTY INSPECTION BODY (TPIB) (IF APPLICABLE)

1. Name and Address of TPIB			
2. Website	3. Accreditation No. (ISO 17020)	5. Attachments	✓
4. Scope Of Inspection	<input checked="" type="checkbox"/> Accreditation certificate <input checked="" type="checkbox"/> List of accredited inspection scope		

D. FOREIGN / LOCAL ACCREDITED LABORATORY

1. Name and Address			
2. Website	6. Accreditation No. (ISO/IEC 17025)	7. Attachments	✓
3. Scope of Accreditation	<input checked="" type="checkbox"/> Accreditation certificate <input checked="" type="checkbox"/> List of accredited testing scope		
4. Name of Accreditation Body			
5. Expiry Date			

E. FOR CIDB USE

	Scope of Accreditation	License Validity	Remark		Approved by
Third party inspection body					

PENGAKUAN / DECLARATION

Saya/kami dengan ini, sesungguhnya mengesahkan bahawa maklumat yang diberi adalah benar. Saya/kami bersetuju, *makmal yang dilantik oleh saya/kami akan membuat ujian penuh ke atas produk atau bahan binaan berdasarkan maklumat di atas. Oleh itu, sekiranya laporan ujian gagal yang dikeluarkan oleh makmal, maka pihak saya/kami tidak berhak memohon sebarang rayuan bagi menukar standard/spesifikasi produk/tujuan penggunaan atau kuantiti & saiz dengan bertujuan maksud ingin dilakukan pengujian semula ke atas produk atau bahan binaan berkaitan. Oleh itu, produk atau bahan binaan saya/kami yang gagal dalam pengujian, maka adalah menjadi tanggungjawab saya/kami untuk menghantar semula produk atau bahan binaan yang diimport ke negara asal dengan tanggungan sendiri. Bukti penghantaran yang telah disahkan oleh Jabatan Kastam akan saya/kami kemukakan kepada CIDB

I/we hereby acknowledge that the information given is true. We agree the laboratory appointed by me/us will conduct full type test on the product mentioned. In the event of the test results showed no conformance to the referred standard, we have no right to apply for appeal to change standard for the purpose of re testing. Therefore, for products that do not conform to the standard, we shall be responsible for sending back the products to source country at our own expenses. Evidence of the send material endorsed by Custom will be forwarded to CIDB

Tandatangan

Cop Syarikat/Firma

Nama

Jawatan

No. KP/No. Pasport

Tarikh

PENGESAHAN MAKMAL

Tandatangan :

Pegawai :

Jawatan & :

Chop Agensi

Tarikh :

PENGESAHAN BADAN PEMERIKSAAN (IB)

Tandatangan :

Pegawai :

Jawatan & :

Chop Agensi

Tarikh :

Nota :-

1. Sila lampirkan 'Mill Certificate' semasa menyerahkan pengakuan ini

2. * Makmal yang dimaksudkan adalah makmal yang telah diakredit dan masih sah laku

APPENDIX 1: PRODUCT INFORMATION

**AKUJANJI YANG BOLEH DIKUATKUASAKAN
(ENFORCEABLE UNDERTAKING)**
PENGIMPOT PRODUK ATAU BAHAN BINAAN
KAEDAH PENSIJILAN PRODUK (PC)

(bagi produk yang memperolehi COA sebelum verifikasi)

1. PENGIMPORT : -
2. PENGILANG : -
3. NEGARA : -
4. NAMA PRODUK/BAHAN BINAAN : -
5. NO. PC : -
6. STANDARD : -

(Sila lampirkan salinan 'Product Certification' semasa menyerahkan borang pengakuan ini)

Saya / kami (seperti yang dinyatakan diatas) dengan ini mengakujanji bahawa:-

1. Pengeluaran Certificate of Approval (COA) keatas produk/bahan binaan (produk tersebut) yang diimpot oleh saya / kami hanyalah syarat untuk produk tersebut dibawa masuk ke negara ini, dan bukannya perakuan bahawa produk tersebut telah mematuhi standard (perakuan pematuhan standard);
2. Dengan ini kami ingin memaklumkan kepada pihak CIDB bahawa barang / produk yang telah dikeluarkan dari kawasan utama Kastam akan di bawa ke lokasi / gudang dengan alamat lengkap seperti di bawah:

Alamat Lokasi/Gudang:

.....

.....

.....

No.Tel:

Pegawai di hubungi:

3. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Lembaga) berhak melakukan verifikasi keatas produk tersebut yang telah pun mendapat COA melalui kaedah 'PC';
4. Saya / kami tidak akan sama sekali berurusan iaitu termasuklah tetapi tidak terhad kepada mengendalikan, menggunakan, mengilangkan, membekalkan, memasarkan, memindahkan, menjual atau membeli, sama ada secara borong atau runcit, mengimport atau mengeksport produk yang mendapat COA tersebut **SEHINGGA** perakuan pematuhan standard dikeluarkan oleh Lembaga;
5. Sekiranya, semasa melakukan verifikasi Lembaga mendapati perkara-perkara berikut :-
 - i) Terdapat produk yang berbeza atau yang lain yang tidak dinyatakan dalam senarai PC;
 - ii) Produk atau bahan binaan, kuantitiya berkurangan, penandaan tidak menepati standard, pembungkusan berubah, susunan produk atau bahan binaan telah berubah bentuk dalam pembungkusan atau apa-apa perubahan bentuk keadaan fizikal produk atau bahan binaan tersebut,

Saya / kami mengaku bahawa perakuan pematuhan standard tidak akan dikeluarkan ;

6. Seterusnya saya / kami mengakui saya/kami dan pengarah-pengarahnnya boleh disenarai hitamkan;
7. Saya juga mengakujanji bahawa Produk / bahan binaan tersebut boleh disita;
8. Saya / kami akan bertanggungjawab untuk menghantar semula kesemua produk tersebut ke negara asal dan menanggung segala perbelanjaan dalam semua urusan bersabit kesalahan dan ketidakpatuhan yang dilakukan;
9. Saya / kami juga tidak akan menuntut sebarang kos dari Lembaga berkaitan kesalahan ini;
dan'
10. Sekiranya Saya / kami gagal mematuhi Akujanji ini, saya / kami dan pengarah-pengarahnnya akan disenarai hitamkan dan dengan itu Lembaga berhak untuk tidak melayan sebarang permohonan dari saya / kami dan pengarah-pengarahnnya dalam sebarang urusan pengimportan.

1. Tandatangan

Pengimport

Nama

Cop Syarikat / Firma

(Pengarah)

No.KP/No

Pasport

Tarikh

2. Tandatangan

Pengimport

Nama

(Pengarah)

No.KP/No

Pasport

Tarikh

**AKUJANJI YANG BOLEH DIKUATKUASAKAN
(ENFORCEABLE UNDERTAKING)**
**PENGIMPOT PRODUK ATAU BAHAN BINAAN
KAEDAH PENSAMPELAN (KONSAINMEN)**
(bagi produk yang belum lulus FTTR)

- | | |
|-----------------------------|----------|
| 1. PENGIMPORT | :- |
| 2. PENGILANG | :- |
| 3. NEGARA | :- |
| 4. NAMA PRODUK/BAHAN BINAAN | :- |
| 5. STANDARD | :- |
| 6. SPESIFIKASI PRODUK | :- |
| 7. TUJUAN PENGGUNAAN | :- |
| 8. KUANTITI | :- |
| 9. SAIZ | :- |
|
i | |
|
ii | |
|
iii | |

(Sila lampirkan ‘Mill Certificate’ semasa menyerahkan boring pengakuan ini)

1. Saya/Kami dengan ini memahami bahawa ‘Critical Test’ adalah sebahagian dari ‘Full Type Test Report’ yang perlu dilakukan sebagai syarat bagi pengeluaran COA sahaja. Pengeluaran COA hanyalah syarat untuk produk dibawa masuk ke negara ini dan bukannya perakuan pematuhan standard.
2. Dengan ini kami ingin memaklumkan kepada pihak CIDB bahawa barang / produk yang telah dikeluarkan dari kawasan utama Kastam akan di bawa ke lokasi / gudang dengan alamat lengkap seperti di bawah:

Alamat Lokasi / Gudang:-

.....

.....

.....

No.Tel :-

Pegawai di hubungi :-


3. Saya / Kami tidak akan sama sekali berurusan iaitu termasuklah tetapi tidak terhad kepada mengendalikan, menggunakan, mengilangkan, membekalkan, memasarkan, memindahkan, menjual, atau membeli sama ada secara borong atau runcit, mengimport atau mengeksport produk yang mendapat COA tersebut **SEHINGGA** ‘Full Type Test Report’ dikeluarkan oleh ‘akredit makmal dan Perakuan Pematuhan Standard dikeluarkan oleh Lembaga :-
- i) ‘Critical Test’ GAGAL, COA tidak akan dikeluarkan. Dengan itu, Saya / Kami akan menghantar semula kesemua produk atau bahan binaan tersebut yang ke negara asal dengan tanggungan sendiri. Bukti penghantaran yang telah di sahkan oleh Jabatan Kastam akan Saya / Kami kemukakan kepada CIDB; ATAU
- ii) Setelah COA dikeluarkan ,Produk atau bahan binaan, kuantitinya berkurangan, penandaan tidak menepati standard, pembungkusan berubah, susunan produk atau bahan binaan telah berubah bentuk dalam pembungkusan atau apa-apa perubahan bentuk keadaan fizikal produk atau bahan binaan tersebut ;
Saya / Kami mengaku bahawa perakuan pematuhan standard tidak akan dikeluarkan
4. Seterusnya Saya / Kami mengakui Saya / Kami dan pengarah-pengarahanya boleh disenarai hitamkan ;
5. Saya / Kami juga mengaku janji bahawa Produk / bahan binaan tersebut boleh disita ;
6. Saya / Kami akan bertanggungjawab untuk menghantar semula kesemua produk tersebut ke negara asal dan menanggung segala perbelanjaan dalam semua urusan bersabit kesalahan dan ketidakpatuhan yang dilakukan ;
7. Saya / Kami juga tidak akan menuntut sebarang kos dari Lembaga berkaitan kesalahan ini ; dan
8. Sekiranya Saya / Kami gagal mematuhi Akujanji ini Saya / Kami dan pengarah-pengarahanya akan disenarai hitamkan dan dengan itu Lembaga berhak untuk tidak melayan sebarang permohonan dari Saya / Kami dan pengarah-pengarahanya dalam sebarang urusan pengimportan.


1. Tandatangan Pengimport : Cop Syarikat / Firma

Nama Pengarah :


No. KP/Pasport :

Tarikh :





SHORT TERM - CEMENT IMPORTATION PROCEDURE




SOP**Prosedur Verifikasi Produk di Kilang (Kaedah PC)**

- 1) Menerima Permohonan daripada Pengimport
- 2) Bahagian Bahan Binaan Mengesahkan PC yang dicadangkan oleh Pengimport
- 3) Mendapat Kebenaran daripada CEO CIDB Malaysia
 - a. Persetujuan nama pegawai yang dinamakan menjalani urusan verifikasi produk tersebut
- 4) Pegawai CIDB tersebut akan mengadakan 'Opening Meeting' di Kilang/Gudang tersebut
 - b. Tujuan Verifikasi Produk dan Format
 - c. Verifikasi Produk / Kilang mengikut PC
 - d. Tandatangan kehadiran mesyuarat tersebut.
- 5) Menjalankan pemeriksaan bagi mengesahkan kemudahan yang dimiliki kilang dan produk yang dihasilkan dan akan dieksport oleh kilang tersebut.
- 6) Mesyuarat penutup dan kesimpulan dari pemeriksaan yang dijalankan.
- 7) Pengeluaran *Letter of Standard Compliance* oleh CIDB kepada kilang. (Sekiranya PC adalah milik kilang.)

SOP**(UJIAN KONSAINAN) FULL TYPE TEST LUAR NEGARA**

- 1) Menerima Permohonan daripada Pengimport
- 2) Bahagian Bahan Binaan Mengesahkan Makmal yang dicadangkan oleh Pengimport
- 3) Mendapat Kebenaran daripada CEO CIDB Malaysia
 - a. Persetujuan nama pegawai yang dinamakan menjalani urusan verifikasi /sampling produk tersebut
- 4) Pegawai CIDB tersebut akan mengadakan 'Opening Meeting' di Kilang/Gudang tersebut
 - a. Tujuan Sampling
 - b. Verifikasi Produk / Kilang
 - c. Sampling Produk
- 5) Pegawai CIDB mengadakan 'Opening Meeting' di makmal yang telah dipersetujui
 - a. Tujuan Lawatan dan format serta ujian yang akan dijalankan mengikut standard yang telah ditetapkan.
 - b. Tandatangan kehadiran mesyuarat tersebut.
 - c. 'Handling Over' sampel produk kepada wakil makmal tersebut
- 6) TAMAT

Carta Aliran Proses Pendaftaran Pengguna Baru Sistem CCPM



MAKLUMAT AM

Permohonan yang lengkap boleh dihantar ke alamat berikut :

Pengurus Besar
Bahagian Bahan Binaan
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
34th Floor, PWTC, Menara Dato' Onn,
No. 45, Jalan Tun Ismail, 50000 Kuala Lumpur.

TALIAN CIDB UNTUK DIHUBUNGI:

**Lembaga Pembangunan Industri
Pembinaan Malaysia (CIDB)
Bahagian Bahan Binaan**

Tel: 03-4047 7000 (talian umum)
Faks: 03-4047 7420

Nama pegawai untuk dihubungi:

Cik Rashimah Adenan
Tel : 03 - 4047 7445

En. Ruslan Aiman Abd Rahman
Tel : 03 – 4047 7432

En. Ramlan Bedin
Tel : 03 – 4047 7431

En. Izzat Azri Azmi
Tel : 03 – 4047 7446

En. Azizzul Hakim Suparman
Tel : 03 – 4047 7499

Pn. Ezza Hanum Abdullah
Tel : 03 – 4047 7452

Pn Nor Faezah Abd Halim
Tel : 03 – 4047 7448

Pn. Suzana Selamat
Tel : 03 – 4047 7483

Sebarang pertanyaan mengenai pengimportan produk boleh di emailkan ke email berikut :
qpass@cidb.gov.my

Sebarang pertanyaan mengenai sistem E-permit boleh berhubung dengan pihak tersebut:

Dagang Net Technologies Sdn Bhd

Waktu Beroperasi: 24 jam (7 hari seminggu)
Telephone: 1300-133 -133 / +603-2730 0200
Faks: 603-2713 2121
Pusat Pager: 603-7804 8833; No Pager: 43032 / 43033
Hand phone: 017-8733 292, 017-8880 248
Email: careline@dagangnet.com
Web Care line: <http://www.dagangnet.com>



LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA CONSTRUCTION INDUSTRY DEVELOPMENT BOARD MALAYSIA

Ibu Pejabat CIDB
Tingkat 35, Menara Dato' Onn
Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)
Jalan Tun Ismail, 50480 Kuala Lumpur
Tel : +603-4047 7000 Fax : +603-4047 7070

www.cidb.gov.my
Enquiry please email to : qpass@cidb.gov.my